

19 JUN 1999

Mahathir-Umno (Anwar)

MAHATHIR SYAKI ANWAR MAHU HAPUSKAN JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan mengenai rasa syak beliau bahawa bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim berhasrat menghapuskan jawatan timbalan perdana menteri apabila Anwar menggantikan beliau.

"Beliau (Anwar) enggan membina rumah bagi timbalan perdana menteri (di Putrajaya) kerana beliau tidak akan menjadi timbalan perdana menteri.

"Apabila beliau menjadi perdana menteri, saya syak beliau tidak mahu melantik seorang timbalan," kata Dr Mahathir semasa ditanya sama ada Anwar, yang ketika itu menteri kewangan, telah meluluskan peruntukan untuk membina sebuah kediaman rasmi bagi timbalan perdana menteri di Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan yang baru.

Dr Mahathir bercakap pada persidangan berita di akhir hari ketiga perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata memandangkan Anwar tidak mahukan jawatan timbalan perdana menteri selepas menjadi perdana menteri, beliau (Anwar) merasakan tidak perlu rumah sedemikian di Putrajaya.

"Beliau tidak menjangkakan akan tinggal di rumah timbalan perdana menteri untuk tempoh yang lama. Jadi tidak perlu untuk membina sebuah rumah bagi dirinya," katanya.

Sebelum itu Dr Mahathir berkata peruntukan untuk membina kediaman rasmi perdana menteri di Putrajaya diluluskan oleh Anwar "kerana beliau (Anwar) berharap untuk tinggal di situ."

Anwar dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept tahun lepas dan disingkirkan daripada Umno sehari selepas itu kerana Perdana Menteri berkata beliau tidak layak dari segi moral untuk memegang jawatan itu.

"Ia adalah untuknya. Disebabkan itu beliau begitu gembira meluluskannya. Tiada siapa yang boleh membelanjakan wang (peruntukan kerajaan) tanpa persetujuan menteri kewangan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah mencadangkan untuk membina sebuah "Istana Hinggap" bagi Yang di-Pertuan Agong di Putrajaya tetapi ia ditolak oleh Anwar.

"Beliau berkata ia tidak perlu walaupun ia akan dibina melalui penswastaan," kata Dr Mahathir.

Anwar, katanya, berpendapat bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak perlu mempunyai istana seperti itu di Putrajaya.

Semasa ditanya sama ada sebuah kediaman rasmi kini akan dibina bagi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, Dr Mahathir berkata ia perlu dibina "kerana perlu ada seorang timbalan perdana menteri."

Dr Mahathir berkata timbalan perdana menteri mesti mempunyai sebuah rumah di Putrajaya.

Katanya Anwar bukannya bersikap ikhlas kerana tidak mahu membina sebuah kediaman rasmi bagi timbalan perdana menteri di Putrajaya.

Dr Mahathir juga sekali lagi menafikan bahawa kediaman rasmi perdana menteri di Putrajaya adalah milik beliau.

Beliau bertanya jika rumah itu adalah kepunyaan beliau, mengapa ia mempunyai enam buah bilik?.

"Siapakah yang menentukan enam buah bilik sedangkan saya ada dua orang anak sahaja yang masih tinggal dengan saya dan yang lain semua tidak tinggal dengan saya?" tanya beliau.

Beliau berpendapat kediaman rasmi itu dibina untuk orang yang mempunyai enam orang anak "yang berharap dia akan jadi Perdana Menteri", jelas merujuk kepada Anwar yang mempunyai enam orang anak.

Mengenai kos pembinaan kediaman rasmi itu, Dr Mahathir berkata kos sebenar pembinaannya ialah dalam lingkungan RM17 juta.

Kos yang lain membabitkan pembinaan kemudahan seperti bilik tetamu dan bilik jamuan untuk tetamu asing seperti yang terdapat di Sri Perdana (kediaman rasmi beliau sekarang), katanya.

Mengenai pembinaan Putrajaya, Perdana Menteri berkata semua urusan mengenainya dibuat oleh Menteri Kewangan dan bukan beliau.

"Dia (menteri kewangan) yang buat peruntukan wang dan dia yang menentukan siapa jadi kontraktor," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun mengakui bahawa beliau terlibat dalam mencadangkan reka bentuk pejabat perdana menteri di Putrajaya, terutama berkenaan kubah pejabat itu.

"Tetapi yang lain semua diuruskan oleh menteri kewangan," katanya.

-- BERNAMA

ES RON